



BULETIN KHAS

Ma'al Hijrah


1448/2026


*MADANI Dihayati,
Ummah Diberkati*



"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Surah ar-Ra'd: Ayat 11





SIDANG REDAKSI



PENAUNG
Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Ketua Pengarah JAKIM



PENASIHAT
Brig. Jen. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM



KETUA PENGARANG
Zaizurina binti Mansor
Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM



PENGARANG
Muhammad Fakhru Irfan bin Mohd Ismail



PENOLONG PENGARANG
Puteri Norasyikin binti Nazri



PENYUNTING
Nur Madihah binti Rakes Junaidi



PENGURUS EDARAN
Ahmad Azharuddin bin Abdul Sattar



PEMBANTU EDARAN
Mohd Zaki bin Abdullah Shokri

KANDUNGAN

- ◆ **MA'AL HIJRAH & KEHIDUPAN: MEMBINA ARAH BAHARU UMMAH KONTEMPORARI** 02
Muhammad Fakhru Irfan bin Mohd Ismail
- ◆ **HIJRAH RASULULLAH SAW & KEPIMPINAN STRATEGIK: FORMULA MEMBINA UMMAH BERDAYA SAING** 04
Mohammad Zaki bin Yahpar
- ◆ **HIJRAH MINDA: MEMBINA BUDAYA FIKIR KRITIS, KREATIF DAN SOLUTIF DALAM MASYARAKAT MADANI** 08
Khairul Asyraf bin Ahmad
- ◆ **REMAJA BERJATI DIRI: TEGUH IDENTITI, CEKAL EMOSI, CEMERLANG ASPIRASI** 10
Nor Solehah binti Saadin
- ◆ **REVOLUSI HIJRAH DIGITAL: ANAK MUDA, TEKNOLOGI & MASA DEPAN UMMAH** 14
Dr. Nurulashiqin binti Mahmud Zuhudi
- ◆ **SARING SEBELUM SHARING: HIJRAH BUDAYA VIRAL KE BUDAYA VERIFIKASI** 18
Muhammad Amrin Razikin bin Abdul Razak
- ◆ **IHSAN DALAM PERKHIDMATAN, BERKAT DALAM PEKERJAAN** 22
Muhammad Fadhli bin Ahmat
- ◆ **PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN HOLISTIK DALAM ERA DIGITAL DAN GLOBALISASI** 26
Dr. Mohammad bin Abu Bakar
- ◆ **HIJRAH INTEGRITI: MEMPERKASA TADBIR URUS & PERKHIDMATAN AWAM BERAMANAH** 28
Mahfudzah binti Mohamad
- ◆ **Keadilan, Ihsan & Inklusiviti: TERAS MASYARAKAT MADANI BERBILANG BUDAYA** 30
Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud

MA'AL HIJRAH & KEHIDUPAN:

Membina Arah Baharu Ummah Kontemporari



Muhammad Fakhru Irfan bin Mohd Ismail
Penolong Pengarah, Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Setiap kali tibanya Ma'al Hijrah, umat Islam diingatkan tentang sebuah peristiwa agung yang mengubah perjalanan sejarah manusia. Ia bukan sekadar catatan masa lalu, tetapi sumber ilham yang sentiasa segar untuk direnungi dan dihayati.

Dalam kehidupan yang semakin kompleks hari ini, manusia berdepan dengan perubahan yang berlaku dengan pantas, daripada cara berfikir, berkomunikasi, sehinggalah cara membina hubungan sesama insan. Di tengah arus perubahan ini, persoalan tentang arah dan makna kehidupan menjadi semakin penting untuk diperhalusi.

Ma'al Hijrah hadir sebagai ruang muhasabah tahunan yang mengajak umat Islam menilai semula haluan hidup, memperbetulkan keutamaan dan memperbaharui iltizam. Kerana dalam setiap perjalanan, yang paling utama bukan sekadar sejauh mana kita melangkah, tetapi ke arah mana kita sedang menuju.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah bukan sekadar perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi perubahan arah yang mengubah perjalanan sejarah umat manusia. Daripada tekanan kepada pembinaan, daripada keterbatasan kepada peluang, dan daripada kelompok yang ditekan kepada masyarakat yang memimpin. Hijrah membuktikan bahawa perubahan besar bermula dengan kejelasan visi, strategi yang tersusun serta keyakinan yang teguh. Dalam kerangka ini, ujian yang besar tidak menjadi penghalang, sebaliknya menjadi titik mula kepada kebangkitan yang lebih bermakna.

Madinah pula tidak terbina dengan semangat semata-mata, tetapi melalui pembinaan masyarakat yang menyeluruh merangkumi pengukuhan persaudaraan, pemerkasaan sistem, penegakan

keadilan, pembangunan ekonomi serta pengurusan masyarakat majmuk yang berteraskan hikmah. Justeru, hijrah dalam makna sebenar bukan sekadar meninggalkan yang lama, tetapi membina yang lebih utama. Bukan sekadar keluar daripada kesempitan, tetapi melangkah ke masa hadapan dengan persediaan, perancangan dan keyakinan.

◆ Mesej untuk Ummah Kontemporari

Dalam konteks semasa, semangat hijrah perlu dibaca melalui cabaran baharu yang sedang dihadapi umat hari ini. Cabaran tersebut tidak selalu hadir dalam bentuk ancaman yang kelihatan, tetapi dalam bentuk yang lebih halus seperti budaya fikir yang cetek, emosi yang rapuh, maklumat yang mengelirukan serta sikap selesa yang melumpuhkan potensi. Kita hidup dalam dunia yang semakin canggih, namun kecanggihan tanpa nilai boleh melahirkan kekosongan, manakala hubungan yang semakin luas tanpa jiwa boleh melahirkan kesunyian.

Di tengah lambakan maklumat dan tekanan kehidupan moden, manusia semakin memerlukan pedoman, keseimbangan dan tujuan yang jelas. Allah SWT mengingatkan kita dalam Surah al-Ra'd bahawa "*Dia tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka*". Ayat ini menegaskan bahawa perubahan sentiasa bermula daripada kesedaran, usaha dan keberanian melakukan anjakan.

◆ Hijrah Minda

Dalam usaha melakukan anjakan tersebut, hijrah minda perlu menjadi keutamaan. Umat yang besar tidak akan lahir daripada cara berfikir yang kecil.

Dalam era digital, kejahilan tidak lagi bermaksud tidak tahu, tetapi gagal menilai apa yang diketahui. Masyarakat yang mudah percaya, cepat melatah dan malas berfikir akan sentiasa menjadi mangsa kepada agenda orang lain.

Sebaliknya, masyarakat yang berfikir secara kritis, kreatif dan solutif akan mampu membaca perubahan, mencipta peluang serta memimpin masa hadapan. Kita memerlukan generasi yang bukan sekadar celik teknologi, tetapi celik hikmah. Bukan hanya tahu menggunakan platform, tetapi memahami tujuan penggunaannya. Bukan hanya petah mengulas, tetapi cekap menyelesaikan masalah. Dunia hari ini tidak ketandusan pengkritik, tetapi amat memerlukan pembina.

◆ Hijrah Jiwa

Namun pembaharuan minda sahaja belum memadai tanpa kekuatan jiwa. Ramai yang kelihatan berjaya tetapi tidak bahagia, dikelilingi manusia tetapi merasa sunyi, serta mengejar pencapaian namun kehilangan makna ketika sampai. Keletihan batin menjadi antara krisis besar masyarakat moden yang tidak boleh dipandang ringan.

Jiwa yang dekat dengan Allah SWT akan lebih tenang ketika diuji, lebih merendah diri ketika berjaya dan lebih amanah ketika diberi kuasa. Justeru, keluarga, institusi pendidikan, masjid, media dan seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama membina persekitaran yang menyuburkan adab, ihsan dan kesejahteraan jiwa kerana tamadun yang tinggi sentiasa bermula dengan manusia yang tinggi nilai dirinya.

◆ Hijrah Tindakan

Setelah hijrah minda dan hijrah jiwa diperkukuh, perubahan tersebut perlu diterjemahkan melalui tindakan yang nyata. Kita tidak boleh terlalu lama menjadi masyarakat yang kuat berbicara tetapi lemah melaksana. Terlalu banyak potensi bangsa terhenti pada peringkat cadangan, slogan dan

komentar, sedangkan sejarah berubah kerana mereka yang tekun bekerja.

Hijrah tindakan menuntut setiap pihak memikul amanahnya dengan jujur dan berkesan. Ibu bapa membina rumah tangga berteraskan kasih sayang dan teladan, guru mendidik dengan ilmu dan hikmah, penjawat awam berkhidmat dengan integriti, pemimpin membuat keputusan dengan adil dan berani, manakala usahawan serta anak muda menggerakkan kemajuan dengan idea, tenaga dan keberanian baharu.

Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan budaya, hijrah tindakan juga bererti memperkukuh perpaduan nasional berasaskan keadilan, saling menghormati dan tanggungjawab bersama. Islam tidak pernah melihat kepelbagaian sebagai ancaman, sebaliknya sebagai ruang untuk saling mengenali, bekerjasama dan menzahirkan rahmat kepada seluruh masyarakat.

◆ Arah Baharu Ummah

Sesungguhnya, setiap zaman menuntut bentuk hijrah yang berbeza. Jika generasi terdahulu berhijrah untuk menyelamatkan akidah dan membina negara, maka generasi hari ini perlu berhijrah daripada leka kepada sedar, daripada reaktif kepada strategik, daripada berpecah kepada bersatu, dan daripada sekadar pengguna kepada pencipta masa hadapan.

Ma'al Hijrah bukan sekadar kisah sejarah tahunan. Ia ialah panggilan berterusan untuk berubah dengan tujuan, bergerak dengan hikmah dan membina dengan kesungguhan. Dalam dunia yang sentiasa berubah, ummah tidak boleh sekadar berharap keadaan menjadi lebih baik, sebaliknya mesti menjadi sebab keadaan itu berubah menjadi lebih baik.

Sejarah telah membuktikan bahawa satu hijrah pernah melahirkan sebuah tamadun. Persoalannya, hijrah apakah yang akan kita pilih pada hari ini untuk menentukan wajah generasi yang akan datang.

HIJRAH RASULULLAH SAW & KEPIMPINAN STRATEGIK: Formula Membina Ummah Berdaya Saing



Mohammad Zaki bin Yahpar
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Dakwah, JAKIM

Peristiwa Hijrah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dari kota Makkah ke Madinah memiliki sebuah pengertian yang cukup besar di sebalik perpindahan fizikal dan menyelamatkan diri daripada penindasan kaum Musyrikin. Jika diteliti dengan mata hati dan akal yang tajam, ia juga merupakan satu anjakan paradigma yang merangkumi perancangan strategik, pengurusan risiko, dan pembinaan negara bangsa yang paling berjaya dalam sejarah manusia. Kepimpinan strategik yang dipamerkan oleh Baginda SAW memberikan kita satu formula yang lengkap untuk membina ummah yang bukan sahaja teguh akidahnya, malah memiliki daya saing yang tinggi dalam mendepani arus globalisasi yang mencabar pada hari ini.

» Perancangan Strategik dan Mitigasi Risiko yang Sistematik

Dalam konteks kepimpinan moden, perancangan strategik merupakan tunjang utama kejayaan sesebuah organisasi. Rasulullah SAW telah menunjukkan bahawa tawakal yang sebenar mestilah didahului dengan usaha yang maksimum dan terperinci. Sebelum memulakan perjalanan, Baginda telah melakukan analisis risiko yang sangat mendalam bagi memastikan keselamatan dan kelangsungan misi tersebut. Strategi ini dimulakan dengan pemilihan masa yang tepat dan pemilihan individu yang memiliki kompetensi khusus bagi setiap peranan yang ditetapkan.

Langkah pertama dalam pengurusan risiko ini ialah penggunaan taktik penyamaran yang sangat berkesan. Baginda telah meminta Sayidina Ali bin Abi Talib untuk tidur di tempat tidur Baginda bagi mengaburkan pandangan musuh yang

sedang mengepung rumah. Hal ini bukan sahaja menunjukkan keberanian Ali, tetapi juga strategi kepimpinan yang berupaya mengalihkan perhatian musuh (*diversion tactic*). Seterusnya, pemilihan Gua Thur/Thaur yang terletak di arah selatan Makkah—sedangkan Madinah berada di utara—merupakan satu langkah strategik untuk mengelirukan pihak perisikan musuh. Baginda memahami psikologi musuh yang akan mencari di laluan yang paling logik, maka Baginda memilih laluan yang paling tidak disangka.

Profesionalisme dalam kepimpinan Baginda turut terserlah apabila Baginda tidak teragak-agak untuk menggunakan kepakaran Abdullah bin Uraiqit, seorang yang pada waktu itu belum memeluk Islam, sebagai penunjuk jalan. Hal ini memberikan pengajaran kepada kita bahawa ummah yang berdaya saing mestilah bersifat terbuka dalam memanfaatkan kepakaran teknikal daripada sesiapa sahaja selagi mereka memiliki integriti dan profesionalisme yang tinggi. Kredibiliti Abdullah bin Uraiqit dalam mengemudi jalan-jalan rahsia di padang pasir menjadi faktor kritikal yang membawa kepada kejayaan perjalanan tersebut.

Seterusnya, pengurusan logistik dan maklumat dikendalikan dengan sangat rapi melalui peranan Asma' binti Abi Bakr dan Abdullah bin Abi Bakr. Asma' bertanggungjawab memastikan bekalan makanan sampai ke gua, manakala Abdullah bertindak sebagai perisik yang mengumpul maklumat tentang pergerakan musuh di kota Makkah. Malah, penggunaan khidmat Amir bin Fuhairah untuk menggembala kambing di belakang jejak langkah mereka bertujuan menghapuskan kesan tapak kaki, sekaligus menunjukkan bahawa setiap perincian kecil dalam operasi ini


tidak dipandang remeh. Ini ialah bukti bahawa kepimpinan strategik memerlukan ketelitian dalam setiap aspek pelaksanaan.

Dalam saat-saat kritikal di dalam Gua Thur, apabila musuh sudah berada terlalu dekat, ketenangan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW menjadi sumber kekuatan kepada Sayidina Abu Bakar. Peristiwa ini dirakamkan dalam al-Quran melalui Surah at-Taubah, ayat 40, yang menegaskan bahawa apabila seseorang itu telah melakukan perancangan terbaik, maka ketenangan akan hadir daripada keyakinan terhadap bantuan Allah. Firman Allah SWT:

"Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita".

Ayat ini bukan sahaja memberikan motivasi spiritual, malah ia merupakan tunjang kepada daya tahan psikologi (*resilience*) dalam kepimpinan.

Peristiwa persembunyian Rasulullah SAW dan Abu Bakar RA di Gua Thur merupakan salah satu detik paling genting dalam sejarah Hijrah, ketika mereka terpaksa bersembunyi selama tiga hari bagi mengelakkan buruan kaum Musyrikin yang menawarkan ganjaran besar. Walaupun pihak musuh yang mahir mengesan jejak telah sampai ke pintu gua yang terbuka, Rasulullah SAW tetap tenang dan memberikan kata-kata semangat kepada Abu Bakar agar tidak bimbang.



Perlu difahami bahawa kegelisahan Abu Bakar pada waktu itu bukanlah kerana takutkan keselamatan dirinya sendiri, sebaliknya beliau sangat khuatir akan keselamatan nyawa Baginda SAW sebagai utusan Allah. Keyakinan teguh Baginda terhadap kebersamaan Allah akhirnya menjadi pelindung sebenar yang menghalang pihak musuh daripada melihat keberadaan mereka di dalam gua yang sempit itu.

» Transformasi Sosial dan Pembinaan Modal Insan

Setelah sampai ke Madinah, tumpuan kepimpinan Rasulullah SAW beralih kepada pembinaan struktur sosial yang kukuh. Baginda sedar bahawa sebuah negara yang berdaya saing tidak boleh dibina di atas tapak perpecahan. Oleh itu, Baginda memperkenalkan konsep *Muakhah* atau mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Langkah ini merupakan satu revolusi sosial yang sangat luar biasa kerana ia berjaya meruntuhkan tembok tribalisme dan *asabiyah* yang telah berakar umbi selama beratus-ratus tahun di Tanah Arab.

Persaudaraan ini merupakan satu strategi integrasi ekonomi dan sosial. Kaum Muhajirin yang datang tanpa sebarang harta membawa kemahiran perdagangan, manakala kaum Ansar memiliki aset dalam bentuk tanah dan pertanian. Dengan menyatukan kedua-dua kelompok ini, Rasulullah SAW telah mewujudkan satu bentuk kerjasama strategik yang membolehkan modal dan kemahiran digabungkan secara optimum. Hasilnya, kaum Muhajirin tidak terus menjadi beban kepada negara, sebaliknya mereka dengan pantas menjadi penyumbang kepada ekonomi Madinah.

Aspek pembangunan sosial ini dipuji oleh Allah SWT dalam Surah al-Hasyr, ayat 9, yang menggambarkan sifat mulia kaum Ansar yang sanggup mengutamakan saudara mereka lebih daripada diri sendiri walaupun mereka sendiri dalam keadaan memerlukan. Sifat *ithar* atau mendahulukan orang lain ini menjadi asas kepada keharmonian masyarakat Madinah. Kepimpinan strategik Baginda berjaya mengubah minda masyarakat daripada mementingkan diri sendiri kepada mementingkan kemaslahatan kolektif, yang merupakan ramuan utama untuk membina ummah yang kuat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr, ayat 9:

Maksudnya: *"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya".*

Selain itu, pembinaan Masjid Nabawi sejurus ketibaan Baginda menunjukkan bahawa pusat komuniti adalah elemen yang sangat penting dalam pembangunan ummah. Masjid memiliki fungsi yang sangat besar sebagai pusat pentadbiran, dewan mesyuarat, hospital medan, dan universiti. Di sinilah lahirnya institusi *Ahlus Suffah* yang menumpukan kepada pendidikan intensif. Rasulullah SAW memahami bahawa ummah yang berdaya saing mestilah bermula dengan ummah yang berilmu. Pelaburan dalam modal insan adalah pelaburan jangka panjang yang paling berharga bagi sesebuah tamadun.

Baginda juga menunjukkan kematangan dalam diplomasi dan tadbir urus melalui penggubalan Piagam Madinah. Dokumen ini merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia yang mengatur hubungan antara pelbagai kaum dan agama di Madinah. Ia menjamin hak asasi, kebebasan beragama, dan keselamatan bersama. Melalui piagam ini, Rasulullah SAW membuktikan bahawa kepimpinan Islam adalah kepimpinan yang adil dan inklusif. Ummah yang berdaya saing adalah ummah yang mampu hidup harmoni dengan kepelbagaian tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariat.

>> Kedaulatan Ekonomi dan Kemandirian Ummah

Kepimpinan strategik Rasulullah SAW tidak hanya berhenti pada aspek sosial dan politik, malah merangkumi reformasi ekonomi yang drastik. Sebelum kedatangan Islam, ekonomi Madinah banyak dikuasai oleh sistem yang tidak adil dan amalan riba. Baginda menyedari bahawa tanpa kedaulatan ekonomi, umat Islam akan sentiasa berada di bawah telunjuk pihak lain. Oleh itu, langkah berani telah diambil dengan membina Pasar Madinah yang baru bagi menandingi pasar-pasar sedia ada.

Strategi membina pasar ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem perdagangan yang patuh syariah dan adil. Baginda melarang amalan penipuan, sorok barang, dan manipulasi harga. Lebih menarik, Baginda menetapkan bahawa tiada cukai atau bayaran tapak dikenakan di pasar tersebut pada peringkat awal. Ini memberikan kelebihan kompetitif kepada para peniaga Muslim kerana mereka dapat menjual barangan dengan harga yang lebih rendah berbanding di pasar-pasar lain yang mengenakan cukai tinggi.

Langkah ini secara tidak langsung telah memindahkan kuasa ekonomi ke tangan umat Islam dalam masa yang singkat. Rasulullah SAW mengajar kita bahawa daya saing ekonomi bermula dengan integriti dan inovasi dalam sistem. Baginda juga sangat menggalakkan aktiviti pertanian dengan memperkenalkan konsep *Ihya al-Mawat*, iaitu menghidupkan tanah-tanah mati. Sesiapa yang mengusahakan tanah yang terbiar, maka tanah itu menjadi miliknya. Inisiatif ini telah merangsang pertumbuhan sektor pertanian dan memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Kepimpinan ekonomi Baginda juga berteraskan kepada hadis yang mementingkan usaha sendiri. Daripada Anas bin Malik RA, diceritakan bagaimana Rasulullah SAW membantu seorang lelaki yang meminta-minta dengan memberikan peralatan untuk memotong kayu dan menyuruhnya bekerja. Baginda bersabda bahawa bekerja mencari rezeki dengan tangan sendiri adalah lebih mulia daripada meminta-minta. Ini ialah formula untuk membina ummah yang produktif dan tidak bergantung kepada bantuan semata-mata. Kemandirian ekonomi adalah kunci kepada maruah sesuatu bangsa.

>> Ke Arah Masa Depan Ummah yang Gemilang

Secara keseluruhannya, Hijrah merupakan sebuah manifestasi agung kepimpinan strategik yang menggabungkan aspek fizikal dan spiritual secara seimbang. Formula yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sangat jelas iaitu memulakan dengan perancangan yang rapi, menggerakkan tenaga kerja yang kompeten, membina perpaduan sosial yang utuh, dan menguasai ekonomi dengan prinsip keadilan. Baginda juga sering menekankan kepentingan musyawarah dalam membuat keputusan, sebagaimana yang diperintahkan Allah dalam Surah Ali-'Imran, ayat 159, agar pemimpin sentiasa berbincang dengan pengikutnya.



Maksudnya: "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya".

Untuk membina ummah yang berdaya saing pada zaman ini, kita perlu kembali kepada roh Hijrah ini. Kita memerlukan pemimpin yang bukan sahaja mempunyai visi yang besar, tetapi juga mampu merangka strategi yang praktikal. Ummah hari ini perlu melakukan "hijrah minda" daripada menjadi pengguna yang pasif kepada pengeluar yang inovatif. Kita mesti beralih daripada budaya mengeluh kepada budaya mencari penyelesaian, dan daripada budaya berpecah kepada budaya kerjasama strategik.

Akhir sekali, kekuatan sebenar kepimpinan Rasulullah SAW terletak pada hubungan yang tidak pernah putus dengan Allah SWT. Segala strategi dan usaha fizikal hanyalah sebahagian daripada tanggungjawab sebagai hamba, manakala keberhasilannya diserahkan sepenuhnya kepada ketentuan Illahi. Inilah keseimbangan yang menjadikan umat Islam suatu ketika dahulu mampu memimpin dunia dengan penuh rahmah. Dengan mengambil pengajaran daripada Hijrah, kita yakin bahawa ummah mampu kembali menjadi bangsa yang unggul, dihormati, dan berdaya saing di persada dunia.

HIJRAH MINDA: Mencorak Budaya Fikir Kritis, Kreatif dan Solutif dalam Masyarakat MADANI




Khalrul Asyraf bin Ahmad
Penolong Pengarah Kanan,
Masjid Negara

Setiap kali Ma'al Hijrah menjelang, kita mudah terjebak dalam rutin yang sama iaitu majlis sambutan, ucapan rasmi, dan kemudian kehidupan kembali seperti biasa. Namun, jika kita benar-benar jujur dengan diri sendiri, adakah kita pernah benar-benar berhenti sejenak untuk bertanya, apa sebenarnya yang ingin diajarkan oleh peristiwa agung ini kepada kita?

Penghijrahan Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah bukan sekadar perpindahan fizikal dari satu kota ke kota yang lain. Ia adalah detik di mana sebuah tamadun memilih untuk bangkit semula, untuk meninggalkan cara lama yang sudah tidak mampu membawa kemajuan, dan melangkah ke arah yang lebih cerah dengan penuh keyakinan. Mesej itulah yang masih berbisik kepada kita hari ini, bahawa perubahan yang bermakna sentiasa bermula dari dalam, dari akal yang berani mempersoal dan hati yang tidak takut untuk berubah.

Akal: Amanah Tertinggi yang Sering Kita Pandang Remeh

Ada satu hakikat yang sering kita lupakan dalam kesibukan hidup seharian. Akal yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia bukan sekadar alat untuk mencari rezeki atau lulus peperiksaan. Ia adalah amanah tertinggi yang membezakan kita daripada seluruh makhluk ciptaan-Nya yang lain.



Dalam kerangka Maqasid Syariah, pemeliharaan akal atau *Hifz al-Aql* menempati kedudukan yang sangat tinggi, setara dengan pemeliharaan nyawa, agama, keturunan, dan harta. Ini bermakna apabila akal sesebuah masyarakat mula sakit, mula tunduk kepada pembohongan, atau mula berhenti berfikir, seluruh binaan tamadunnya turut berisiko untuk runtuh.

Ancaman terhadap akal hari ini tidak lagi datang hanya dalam bentuk yang nyata seperti dadah yang masih berleluasa dan meruntuhkan potensi anak bangsa kita satu persatu. Ancaman turut datang dalam bentuk yang jauh lebih halus, iaitu banjir maklumat palsu yang mengalir deras setiap saat ke dalam genggamannya kita, membentuk cara kita berfikir dan mempengaruhi cara kita membuat keputusan tanpa kita sedari. Inilah musuh yang lebih sukar untuk dilihat, namun tidak kurang bahayanya.

Maka, membina semula budaya fikir yang sihat bermula dengan satu keberanian yang mudah disebut tetapi susah dilakukan, iaitu berhenti menjadi pak turut. Allah SWT tidak memuliakan golongan *Ulu' Albab* dalam Surah Ali-'Imran hanya kerana mereka pandai menghafaz. Mereka dimuliakan kerana mereka berani berfikir, berani merenung, dan berani mencari kebenaran walaupun ia memerlukan usaha yang tidak sedikit.

Bila Banyak Tahu Pun Boleh Jadi Bahaya

Kita hidup pada zaman yang penuh dengan paradoks. Generasi hari ini adalah generasi yang paling mudah mengakses maklumat dalam sejarah tamadun manusia. Namun pada masa yang sama, kita turut menyaksikan bagaimana masyarakat semakin mudah diperdaya, semakin cepat terbakar amarah, dan semakin sukar untuk berfikir secara tenang dan waras. Punca masalah ini bukan terletak pada kekurangan maklumat. Masalahnya ialah kita tidak dididik untuk menilai maklumat yang kita terima. Kita tahu cara menggunakan telefon pintar, tetapi tidak tahu cara menilai sama ada sebuah berita itu benar atau sebaliknya. Kita selesa berkongsi, tetapi tidak selesa untuk berfikir terlebih dahulu sebelum berkongsi.

Inilah kepentingan pemikiran kritis yang sebenar, bukan sebagai kemahiran yang kita pelajari untuk menduduki peperiksaan, tetapi sebagai tabiat hidup yang kita amalkan setiap hari. Tanpa tabiat ini, kita bukan sahaja mudah diperdaya, malah tanpa sedar kita turut menjadi alat kepada mereka yang sengaja menyebarkan kebencian dan perpecahan dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, berfikir secara kritis sahaja tidak cukup jika ia hanya digunakan untuk mencari kesalahan orang lain. Ia perlu digandingkan dengan kreativiti, iaitu keupayaan untuk melihat masalah dari sudut yang berbeza dan mencari jalan keluar yang belum pernah dicuba sebelum ini. Terutama apabila kita berhadapan dengan cabaran sosial belia hari ini, formula lama sudah tidak relevan. Yang diperlukan adalah pendekatan yang turun ke lapangan, yang memahami dunia mereka, dan yang berbicara dalam bahasa yang benar-benar menyentuh jiwa mereka.

Cukuplah Sekadar Pandai Mengkritik

Kalau ada satu sikap yang paling banyak membazirkan potensi bangsa kita, itulah sikap yang lebih suka memperkatakan masalah daripada mencari penyelesaiannya. Kita pandai mengkritik kerajaan, mengkritik pemimpin, mengkritik sistem. Tetapi apabila ditanya apa cadangan kita, ramai yang tiba-tiba senyap. Masyarakat MADANI yang kita impikan tidak akan pernah terbina selagi mentaliti ini berterusan. Kita memerlukan satu anjakan yang nyata, daripada menjadi masyarakat yang hanya tahu menunding jari kepada masyarakat yang berani menghulurkan tangan. Allah SWT sendiri telah mengingatkan kita melalui Surah al-Ra'd bahawa perubahan tidak akan datang melainkan kita sendiri yang memulakan usaha itu dari dalam diri kita.

Ini bermakna setiap satu daripada kita, tanpa mengira latar belakang atau jawatan, mempunyai peranan yang tidak boleh diserahkan kepada orang lain. Institusi pendidikan perlu melahirkan pelajar yang berani berfikir, bukan sekadar patuh menghafaz. Keluarga perlu menjadi ruang di mana dialog yang sihat itu bermula, bukan tempat di mana soalan-soalan penting dibungkam. Masjid dan ruang awam perlu kembali menjadi tempat perbincangan yang matang dan beradab, bukan sekadar tempat menerima arahan.

Perjalanan yang Tidak Pernah Benar-benar Selesai

Hijrah minda bukan sesuatu yang berlaku dalam sehari dua. Ia adalah perjalanan seumur hidup yang diperbaharui setiap kali kita memilih untuk berfikir sebelum bertindak, memilih untuk memahami sebelum menghukum, dan memilih untuk menjadi sebahagian daripada penyelesaian, bukan sebahagian daripada masalah. Dengan menjadikan pemeliharaan akal sebagai teras dan nilai-nilai murni sebagai panduan, kita bukan sahaja mampu melahirkan generasi yang lebih bijak, malah generasi yang lebih bermaruah, lebih peka, dan lebih layak untuk mewarisi amanah besar yang telah diletakkan di bahu mereka.

Hijrah yang sejati itu bermula bukan di dewan sambutan. Ia bermula di dalam diri kita, pada hari ini, dalam keputusan-keputusan kecil yang kita buat setiap saat. Demi Malaysia yang lebih harmoni dan masyarakat yang benar-benar MADANI, biarlah hijrah itu menjadi cara hidup kita, bukan sekadar tema tahun ini.

REMAJA BERJATI DIRI: Teguh Identiti, Cekal Emosi, Cemerlang Aspirasi



Nor Solehah binti Saadin
Penolong Pengarah,
Darul Quran, JAKIM

➤ Pendahuluan

Erik Erikson, ahli psikologi perkembangan dan psikoanalisis yang memperkenalkan lapan tahap perkembangan psikososial mengklasifikasikan kelompok individu yang berumur antara 12-18 tahun sebagai remaja. Walau bagaimanapun, Dasar Belia Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 mendefinisikan kelompok individu yang berumur antara 15 tahun hingga sebelum mencapai 30 tahun sebagai belia. Sehingga hari ini, terdapat pelbagai langkah dan dasar yang telah diambil serta diperkenalkan oleh kerajaan dalam aspek pembangunan belia, antaranya penubuhan Majlis Belia Malaysia, penubuhan Kementerian Belia dan Sukan, pelancaran Dasar Belia Negara dan banyak lagi. Hal ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan dalam usaha mengoptimumkan potensi remaja sebagai barisan peneraju kepimpinan negara pada masa hadapan. Komitmen tinggi kerajaan ini didorong oleh hakikat bahawa fasa remaja adalah tempoh yang sangat kritikal serta memerlukan bimbingan rapi dalam pembentukan jati diri bagi memastikan golongan ini dapat membuat keputusan dengan jelas dan terhindar daripada kekeliruan.


Pembentukan jati diri adalah penting bagi setiap individu dan masyarakat. Jati diri didefinisikan sebagai sifat-sifat atau watak asli yang membentuk identiti serta perwatakan individu atau bangsa tersebut. Ia juga merujuk kepada identiti diri yang sebenar termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya dan mestilah kekal utuh berpaksikan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara. Tiga teras utama yang akan dibincangkan dalam usaha membentuk remaja berjati diri dan melahirkan warganegara yang berdaya tahan serta beretika adalah keteguhan identiti, kecekalan emosi dan kecemerlangan aspirasi.

➤ Keteguhan Identiti

Dalam membina jati diri remaja, aspek keteguhan identiti merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian. Kekeliruan mengenai peranan diri dan penerimaan masyarakat berlaku pada fasa remaja. Pada fasa ini, persoalan-persoalan seperti "siapa saya", "apakah kerjaya yang saya mahu" dan "apa kepercayaan saya" akan mula bermain di fikiran mereka kerana mereka berada di fasa beralih ke alam dewasa. Ini telah dijelaskan oleh Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson dalam tahap 5 iaitu *identity versus role confusion*. Erikson turut menegaskan bahawa penerokaan pelbagai peranan, aktiviti

dan tingkah laku oleh remaja dalam proses pembentukan identiti diri merupakan aspek penting dalam melahirkan jati diri yang kukuh serta membentuk hala tuju kehidupan mereka. Pegangan moral dan agama merupakan asas paling penting dalam membina identiti diri yang teguh.

Keteguhan identiti ini disokong oleh teras agama dan moral yang bertindak sebagai penapis (*filter*). Jika diteliti, objektif Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral berkongsi matlamat utama untuk membentuk individu yang berjati diri dan bertanggungjawab. Kurikulum Pendidikan Moral secara spesifik bermatlamat melahirkan warganegara berakhlak mulia yang mampu menyumbang kepada keharmonian serta kestabilan negara dan masyarakat global. Sementara itu, Pendidikan Islam tidak hanya tertumpu kepada pemindahan ilmu semata-mata, bahkan bertujuan membentuk personaliti Muslim secara holistik yang meliputi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi. Lebih penting lagi, segala tingkah laku luaran dan dalaman individu yang selari dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah menunjukkan bahawa kedua-dua disiplin pendidikan ini adalah asas penting dalam membina individu yang utuh, bermoral, dan mampu memainkan peranan positif dalam komuniti.



➤ Cekal Emosi

Dalam usaha membangunkan identiti diri yang kukuh dan sempurna, aspek kecekalan emosi tidak boleh dipandang ringan kerana melibatkan penguasaan kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi dapat difahami sebagai kemampuan individu untuk mengawal dan mengurus emosinya secara efektif ketika berhadapan dengan situasi atau konflik yang berpotensi memberikan kesan negatif kepada diri sekiranya tidak ditangani dengan baik. Dunia saat ini menyaksikan remaja sering menghadapi isu tekanan akademik, konflik keluarga, dan cabaran sosial yang berpotensi menyebabkan masalah kesihatan mental.


Pengurusan emosi merupakan antara faktor yang perlu diberi perhatian dalam meningkatkan kecekalan emosi. Elemen ini merujuk kepada keupayaan individu mengurus emosi ketika melaksanakan tugas agar dapat dilakukan dengan lebih mudah dan efisien. Selain itu, kesedaran sendiri juga merupakan aspek penting dalam meningkatkan kecekalan emosi. Individu yang mempunyai kesedaran sendiri lebih mudah menerima teguran dan pandangan daripada orang lain. Di samping itu, kemahiran sosial turut menjadi elemen penting dalam merangsang respon positif. Keupayaan menyampaikan mesej serta mendengar secara terbuka hanya dapat dicapai sekiranya individu memiliki kemahiran sosial yang baik.

➤ Cemerlang Aspirasi

Pembangunan jati diri remaja seharusnya juga menekankan aspek kecemerlangan aspirasi. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, aspirasi adalah kehendak atau keinginan yang kuat untuk mencapai sesuatu. Kecemerlangan aspirasi boleh difahami sebagai keinginan yang kuat untuk mencapai tahap pencapaian tertinggi dalam sesuatu perkara yang melibatkan penetapan matlamat yang berkualiti, cemerlang dan konsisten bagi tujuan kejayaan masa depan. Berdasarkan kepada Teori Penetapan Matlamat, matlamat dan tujuan yang jelas akan menghasilkan semangat serta motivasi yang tinggi untuk mencapainya. Teori ini jelas menunjukkan bahawa penetapan matlamat mempengaruhi aspirasi individu, yang seterusnya membentuk tingkah laku ke arah pencapaian matlamat tersebut. Oleh itu, penetapan matlamat harus menepati kriteria SMART (spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan terikat masa). Ini adalah bagi memastikan supaya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dan tidak terbiar. Kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerja berpasukan dan pemikiran kritis juga perlu dipupuk dan dibina dalam kalangan remaja. Ini penting bagi memastikan matlamat peribadi remaja turut merangkumi hasrat untuk menyumbang kepada pembangunan serta pemartabatan negara.

➤ Rumusan

Fasa remaja merupakan fasa kritikal yang memerlukan bimbingan rapi dalam pembentukan jati diri berteraskan nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara. Kerajaan menunjukkan komitmen yang tinggi dan berterusan dalam usaha mengoptimumkan potensi remaja sebagai pemimpin masa depan dengan melaksanakan pelbagai perkara termasuklah menubuhkan Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. Bagi melahirkan warganegara yang berdaya tahan dan beretika, tiga teras utama yang perlu diberi perhatian dalam membentuk remaja berjati diri adalah keteguhan identiti, cekal emosi dan cemerlang aspirasi. Keteguhan identiti menekankan fungsi agama dan moral sebagai penapis dalam mengatasi kekeliruan diri seperti yang dijelaskan oleh Teori Perkembangan Psikososial Erikson. Kecekalan emosi pula menyentuh aspek kecerdasan emosi untuk mengawal emosi secara efektif ketika berhadapan dengan situasi yang menekan seperti konflik keluarga dan cabaran sosial. Akhir sekali, cemerlang aspirasi merujuk kepada keinginan tinggi individu untuk mencapai tahap pencapaian optimum melalui penetapan matlamat berasaskan kriteria SMART.



REVOLUSI HIJRAH DIGITAL: Anak Muda, Teknologi & Masa Depan Ummah



Dr. Nurulashiqin binti Mahmud Zuhudi
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Mendepani Revolusi Hijrah Digital

Petikan hasil nukilan tokoh pemikir Islam, Syeikh Mustafa al-Ghalayini, dalam kitabnya, *Idzaton Nasyi'in*, sebagai muqaddimah kalam revolusi hijrah digital pemuda masa kini:

إِنَّ فِي يَدِ الشَّبَّانِ أَمْرَ الْأُمَّةِ وَفِي أَقْدَامِهَا حَيَاتُهَا

Terjemahannya: "Sesungguhnya di tangan pemuda terletak urusan suatu umat, dan pada jejak langkah kaki merekalah terletak kehidupan (masa depan) umat tersebut."

Kata-kata hikmah ini cukup menggambarkan kepada kita betapa berkuasanya golongan pemuda terhadap kehidupan masa hadapan. Perkembangan pesat teknologi semasa perlu dimanfaatkan secara optimum dalam kerangka positif agar generasi akan datang dapat hidup dalam landasan yang benar.

Pemuda pemudi pada hari ini perlu berani dan bersemangat membuat anjakan paradigma berlandaskan kerangka Maqasid Syariah kerana mereka adalah harapan bangsa. Kepelbagaian kecanggihan teknologi yang tercipta merupakan medium terbaik dalam melaksanakan *amar maaruf nahi mungkar*. Golongan muda perlu bergerak dalam nada lebih efektif, kreatif, berani dan nekad dalam mengambil peluang terhadap arus peralihan teknologi yang sedang berkembang ini dengan menjadikan fasa ini sebagai alat pembangunan ummah dalam mencapai *mardatillah*.

Konsep syumuliyah yang terkandung dalam kerangka Maqasid Syariah iaitu dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan *value driven* dalam memastikan anjakan yang hendak dilaksanakan berada di atas landasan sebenar. Golongan anak muda perlu memastikan kerangka ini diadaptasi dengan sebaiknya dalam penggunaan mahupun penciptaan teknologi baharu agar dapat membina ummah yang hidup dalam ekosistem siber yang positif, bebas daripada

budaya toksik seperti buli siber, penipuan dalam talian (*scam*) dan pendedahan aurat, serta seterusnya menggantikannya dengan budaya digital yang sihat dan proaktif.

Menyoroti perbincangan terdahulu oleh para cendekiawan, hijrah lazimnya dibincangkan dalam konteks konvensional. Namun, pada masa kini, wacana hijrah diperluaskan kepada konteks yang lebih kontemporari, iaitu penghijrahan melalui penguasaan kemahiran literasi maklumat, kecerdasan buatan (AI) dan pengurusan data besar. Kemahiran ini merupakan bentuk revolusi hijrah masa kini yang perlu dikuasai oleh golongan muda dalam usaha membina tamadun ummah yang gemilang.

Penekanan peranan golongan pemuda sebagai pengemudi revolusi hijrah digital adalah amat selari dengan Tinjauan Pengguna Internet (*Internet Users Survey*) 2022 yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Hasil tinjauan mendapati 92.7% rakyat Malaysia merupakan pengguna internet aktif, dan lebih daripada separuh pengguna media sosial di Malaysia didominasi oleh golongan muda berusia di antara 18 hingga 34 tahun. Turut didapati bahawa 92% remaja berusia seawal 13 hingga 17 tahun telah memiliki akaun media sosial sendiri. Dapatan ini menunjukkan bahawa tindakan yang tuntas dan bersepadu perlu diambil oleh semua pihak dalam mengurus perkembangan revolusi digital ini agar impaknya terhadap golongan muda dapat dikawal dengan baik.

Peranan Besar Pemuda Jiwa Bangsa Era Teknologi Moden

Pemuda jiwa bangsa membawa makna mendalam, pemuda hari ini dikenali sebagai Generasi Z dan Alpha merupakan golongan *digital natives* yang lahir dengan skrin di tangan, menjadikan mereka calon paling layak dalam menentukan hala tuju perkembangan teknologi dan sebagai penentu denyut nadi ummah masa hadapan. Timbul persoalan, bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh pemuda kita dalam mengemudi bahtera teknologi hari ini. Antaranya bertindak selaku Pencipta Kandungan ataupun selaku Pengengaruh (*Influencers*) atau bertindak sebagai duta-duta dakwah kontemporari yang mempunyai jutaan pengikut dan berupaya mempengaruhi *followers* dan mengubah pemikiran serta tingkah laku mereka ke arah yang lebih baik berdasarkan kerangka maqasid. Contohnya seperti Mufti Menk iaitu seorang ilmuwan yang menggunakan kemahiran teknologi hari ini sebagai "mimbar" terbesar untuk membawa manfaat kepada masa depan ummah, beliau turut mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam penerbitan "*The 500 Most Influential Muslims*" (500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia). Beliau boleh dijadikan *role model* terbaik dalam menterjemahkan peranan yang boleh dimainkan oleh pemuda hari ini dalam mengemudi dunia teknologi malah mampu membawa penghijrahan digital ke arah nilai-nilai universal Islam.

Di samping itu, peranan yang boleh dimainkan ialah sebagai Teknokrat mahupun Pengaturcara (*Programmer*) Muslim yang mempunyai teras pengetahuan Islam berasaskan akidah, syariah dan akhlak yang kukuh, serta bertindak sebagai pembangun atau arkitek Muslim yang berupaya mengekod algoritma, membina aplikasi dan merangka perisian masa depan berlandaskan syariat. Aplikasi yang penulis rasakan amat bermanfaat kepada ummah antaranya ialah Aplikasi Waktu Solat Malaysia. Idea awal daripada seorang pengaturcara Muslim tempatan bernama Murad Mohd Zain yang berhasrat memudahkan urusan ibadah masyarakat. Berkat nilai inovasi tersebut, aplikasi itu kini berkembang megah di bawah seliaan syarikat korporat Media Prima Digital yang berfungsi sebagai pusat gaya hidup Muslim merangkumi Al-Quran Digital, Waktu Solat, Siaran Dakwah Interaktif dan lain-lain. Inilah yang dikatakan sebagai salah satu bentuk sinergi kontemporari yang mengintegrasikan teknologi dan dakwah untuk diteruskan dan dicontohi oleh Generasi Z dan Alpha hari ini.

Menelusuri kembali perbincangan ini, timbul persoalan tentang bagaimana generasi yang dimaksudkan mampu berperanan sedemikian rupa. Hakikatnya, ia tidak berlaku secara spontan, sebaliknya memerlukan sokongan dan dorongan padu daripada semua pihak, khususnya ibu bapa, kerajaan, pemimpin, pendidik dan masyarakat. Kesemua pihak ini membentuk ekosistem yang positif dalam melahirkan pemuda dan pemudi

Islam yang serba boleh, seterusnya mampu memainkan peranan seperti yang dibincangkan. Hal ini ibarat satu rantaian kehidupan; bagi memastikan keberhasilan dan impak positif dapat dicapai, setiap pihak perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan sebaiknya.

Alam Maya Sebagai Medan Pertempuran Alaf Baru

Zaman telah berubah, jika dahulu datuk moyang kita bertempur menggunakan keris dan pedang, kini papan kekunci dan skrin pintar menjadi senjata teknologi dalam menghadapi pertempuran generasi alaf baru. Siapa yang pantas, tangkas, berilmu dan bijaksana, pasti akan berjaya menguasai medan pertempuran ini. Media sosial seperti TikTok, Instagram, Threads, X dan seumpamanya muncul bak cendawan selepas hujan. Begitu juga, platform kecerdasan buatan (AI) seperti ChatGPT, Gemini, Claude, CoPilot dan sebagainya. Tidak ketinggalan sektor ekonomi yang dijalankan secara maya seperti E-dagang, mata wang kripto patuh syariah, perbankan digital, dan ekonomi gig (*freelance*). Sektor pendidikan juga tidak lari daripada mengalami anjakan teknologi pantas ini, di mana wujudnya bilik darjah atau kuliah-kuliah secara maya serta aplikasi pembelajaran al-Quran interaktif dalam memenuhi keperluan semasa pihak berkepentingan.

Inilah yang dimaksudkan sebagai revolusi teknologi digital yang perlu difahami dan dimanfaatkan berasaskan akidah Islam yang kukuh agar kehidupan masa hadapan terpelihara di dunia dan akhirat. Golongan muda Muslim perlu menguasai ilmu Fiqh yang mantap agar mampu berinteraksi dengan perkembangan revolusi digital, seterusnya melaksanakan hijrah kontemporari. Namun, hasrat untuk melahirkan pemuda sebagai pengemudi Islam digital perlu bermula dari dalam diri individu, iaitu dengan keupayaan mengawal dan menguasai diri serta mengelakkan ketagihan dan kelalaian terhadap media sosial.

Relevansi Penghijrahan Skala Moden

Sama ada mahu atau tidak, golongan muda perlu melaksanakan transformasi hijrah digital dalam mendepani cabaran era baharu bagi memastikan generasi akan datang terpelihara akidah serta memiliki jati diri yang kukuh. Hal ini penting dalam menghadapi pelbagai bentuk pendedahan ideologi, pemikiran liberal serta normalisasi perilaku negatif yang tersebar melalui ekosistem digital yang dibentuk oleh algoritma. Situasi ini menuntut pendekatan yang lebih strategik, termasuk keperluan melahirkan pakar Muslim dalam bidang kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber dan kejuruteraan perisian sebagai usaha

memperkuhkan perlindungan terhadap ummah serta menangkis cabaran pemikiran semasa terhadap Islam.

Adaptasi Hijrah Digital dalam Kehidupan

Sebagai *khulasah* perbincangan, dalam merealisasikan revolusi hijrah yang diinginkan, semua pihak perlu berkolaborasi untuk membudayakan Fiqh Siber dengan mendidik generasi muda mengenai adab tinggi dalam berinteraksi secara maya, mengetahui dan memahami batasan dosa pahala kerana konsep halal dan haram dalam Islam adalah jelas tanpa mengira mekanisme yang diguna pakai, dan mengamalkan sikap *tabayyun* (menyemak fakta) dalam setiap perkara agar sentiasa memperoleh keberkatan Ilahi.

Kreativiti dan inovasi dalam menjalankan misi dakwah juga perlu dipertingkatkan sejajar dengan trend semasa tanpa membelakangkan syariat. Di sini, pentingnya pemikiran secara kritis dan tahap keilmuan tinggi dalam pelbagai bidang kehidupan agar pemuda pemudi hari ini tidak menjadi mangsa manipulasi algoritma yang pelbagai. Selebihnya, usaha peringkat tinggi adalah munajat dan berdoa agar apa jua usaha yang dilaksanakan dipandu oleh Allah SWT.

SARING SEBELUM SHARING: Hijrah Budaya Viral Ke Budaya Verifikasi



Muhammad Amrin Razikin bin Abdul Razak
Penolong Pengarah,
Darul Quran, JAKIM

Kedatangan tahun baharu 1448H bukan sekadar perubahan angka dalam takwim Islam, namun merupakan titik muhasabah untuk umat Islam menilai sejauh mana mereka telah melakukan transformasi diri. Peristiwa hijrah yang dilalui oleh Nabi Muhammad SAW bukan hanya perpindahan lokasi, tetapi perubahan menyeluruh dalam cara berfikir, bertindak, dan membina masyarakat bertamadun.

Dalam konteks semasa, umat Islam tidak lagi berhadapan dengan ancaman fizikal seperti tekanan di Makkah, tetapi berdepan cabaran baharu dalam bentuk ledakan maklumat digital. Media sosial menjadikan setiap individu sebagai penyampai berita tanpa sempadan dan tanpa tapisan. Justeru, hijrah yang perlu dilakukan hari ini adalah hijrah ataupun perubahan dalam cara kita menerima, menilai, dan menyebarkan maklumat.

Selaras dengan tema "MADANI Dihayati, Ummah Diberkati", masyarakat Islam perlu membina budaya digital yang berasaskan kesahihan, integriti, dan tanggungjawab sosial.

Budaya Viral: Antara Manfaat dan Kemudaratan

Fenomena viral merupakan hasil daripada kemajuan teknologi komunikasi yang membolehkan sesuatu maklumat tersebar dengan pantas dan meluas. Dari sudut positif, ia mampu menjadi alat dakwah yang sangat berkesan apabila digunakan secara bijaksana. Namun, realiti semasa menunjukkan bahawa budaya viral sering didominasi oleh emosi berbanding fakta. Kandungan yang bersifat sensasi lebih mudah mendapat perhatian berbanding kandungan yang benar tetapi kurang menarik.

1

Penyebaran berita palsu (*fake news*)

Berita palsu bukan sekadar kesilapan maklumat, tetapi boleh menjadi alat manipulasi persepsi. Ia mampu mencetuskan panik, merosakkan reputasi, dan menggugat kestabilan sosial. Dalam konteks negara, penyebaran maklumat palsu boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan kepercayaan terhadap institusi.

2

Fitnah dan kerosakan maruah

Fitnah dalam era digital bersifat lebih cepat dan meluas. Sekali sesuatu tuduhan disebar, ia sukar dipadam sepenuhnya walaupun telah disangkal. Islam memandang serius perkara ini kerana maruah manusia adalah sesuatu yang wajib dipelihara.

2

Normalisasi maklumat tidak benar

Kandungan viral sering direka untuk mencetuskan kemarahan, simpati, atau ketakutan. Hal ini menjadikan pengguna bertindak secara impulsif tanpa berfikir panjang.

Kesimpulannya, budaya viral tanpa kawalan adalah ancaman kepada pembinaan masyarakat berilmu dan beretika.

Prinsip Tabayyun: Asas Verifikasi dalam Islam

Islam telah lama mendahului zaman dalam menetapkan etika pengurusan maklumat melalui konsep tabayyun. Al-Syaukani berkata dalam *Fath al-Qadir*, "Dimaksudkan tabayyun adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksud dengan tatsabbut adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya." Firman Allah SWT:

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenalinya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

(Surah al-Hujurat : Ayat 6)



Ibnu Kathir menukilkan dalam *Tafsir al-Quran al-A'zim*, "Allah perintahkan supaya kita pastikan terlebih dahulu perkhabaran orang fasik sebagai ihtiyat. Hal ini kerana agar seseorang tidak berhukum dengan ucapannya menyebabkan dalam keadaan sedemikian boleh membawa kepada dusta atau tersilap." Jika kita memahami dan menghayati,

ayat ini bukan sekadar perintah, namun satu prinsip asas dalam pembinaan tamadun berasaskan ilmu.

Berteraskan ayat ini, beberapa perkara boleh digariskan agar terselamat daripada menyebarkan maklumat yang tidak benar, antaranya ialah:

1 Menyemak sumber berita


Memastikan maklumat datang daripada sumber yang sahih seperti institusi rasmi, pakar atau pihak berautoriti. Elakkan bergantung kepada sumber tidak dikenali.

2 Merujuk kepada pihak berautoriti

Dalam isu berkaitan hal ehwal Islam, masyarakat perlu merujuk kepada badan yang berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

3 Tidak terburu-buru menyebarkan maklumat

Sikap tergesa-gesa atau terburu-buru boleh membawa kepada kesilapan. Menungguhkan perkongsian sehingga mendapat kepastian adalah satu bentuk nilai kebertanggungjawaban yang sepatutnya dimiliki oleh setiap individu.



Hijrah Digital: Dari Emosi ke Rasional

Dalam era media sosial, kebanyakan perkongsian didorong oleh emosi. Perasaan marah, simpati atau keterujaan sering mengatasi pertimbangan akal. Keadaan ini menyebabkan maklumat disebarluaskan tanpa penilaian yang sewajarnya. Hijrah digital menuntut perubahan berikut:

1. Dari emosi kepada rasional

Setiap maklumat perlu dinilai secara logik dan berfakta, bukan berdasarkan perasaan semata-mata.

2. Dari prasangka kepada fakta

Elakkan membuat kesimpulan awal tanpa bukti yang kukuh. Prasangka boleh membawa kepada ketidakadilan dalam berhubung.

3. Dari sensasi kepada integriti

Utamakan kebenaran walaupun kurang menarik, berbanding sensasi yang mengelirukan.

Membina Budaya Verifikasi

Dalam Islam, setiap perkataan dan perbuatan akan dipertanggungjawabkan. Media sosial bukan ruang bebas tanpa hisab, sebaliknya ia adalah medan ujian amanah. "Share" sebagai penyaksian, apabila kita berkongsi sesuatu, kita seolah-olah menjadi saksi bahawa maklumat tersebut benar. "Forward" sebagai penyebaran, setiap hantaran yang disebarluaskan akan terus beredar dan memberi kesan kepada ramai pihak. "Like" sebagai legitimasi, tindakan menyukai sesuatu kandungan boleh memberi gambaran bahawa kita menyokong kandungan tersebut, meskipun kandungan itu palsu dan tidak benar.

Budaya verifikasi adalah hasil daripada kesedaran dan disiplin masyarakat dalam mengurus maklumat. Perkara utama yang perlu dipraktikkan seseorang adalah mempunyai pemikiran kritis yang mampu menilai setiap maklumat secara mendalam, dan memahami tanggungjawab yang dipikul bagi setiap maklumat yang disebarluaskan.

Kesimpulan

Sempena Ma'al Hijrah 1448H dengan tema "MADANI Dihayati, Ummah Diberkati", marilah kita bersama-sama melakukan hijrah dalam dunia digital:

“

*Daripada budaya viral
kepada budaya verifikasi*

*Daripada menyebar
kepada menyaring*

*Daripada emosi
kepada rasional*

”

Hakikatnya, hijrah adalah perubahan ke arah kebaikan yang diredai Allah SWT. Amalan tabayyun mencerminkan kematangan umat Islam dalam membina masyarakat yang berilmu dan berintegriti. Semoga setiap perkongsian mendorong kita ke arah meraih keredaan Allah SWT.



Ihsan dalam Perkhidmatan, *Berkat* dalam Pekerjaan



Muhamad Fadhli bin Ahmat
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Keurusetiaan & Hubungan
Luar, JAKIM

Pendahuluan

Dalam perspektif Islam, pekerjaan bukan sekadar wahana untuk memperoleh pendapatan, bahkan merupakan suatu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Justeru, sesuatu pekerjaan tidak seharusnya dinilai semata-mata berdasarkan hasil material, keuntungan organisasi atau pencapaian indikator prestasi tetapi hendaklah turut diukur daripada sudut nilai akhlak, integriti dan keberkatan yang mengiringinya. Dalam hal ini, konsep ihsan menjadi teras yang amat penting dalam membentuk budaya kerja yang unggul, beretika dan bernilai ibadah.

Ihsan merujuk kepada usaha melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan sebaik-baiknya, penuh teliti, jujur dan bertanggungjawab serta disertai kesedaran mendalam bahawa Allah SWT sentiasa memerhati setiap tindakan manusia. Konsep ini memberi makna bahawa seseorang pekerja tidak memadai sekadar menyelesaikan tugas pada kadar minimum bahkan berusaha menghasilkan mutu kerja yang terbaik dalam setiap aspek. Ihsan bukan hanya menggambarkan kecemerlangan prestasi tetapi juga kemuliaan akhlak dalam pekerjaan.

Ihsan dalam Perkhidmatan

Dalam konteks perkhidmatan, ihsan menuntut seseorang melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi, disiplin dan keikhlasan. Seorang penjawat awam, pendidik, pentadbir, kaunselor, petugas kesihatan mahupun pekerja sektor swasta perlu melihat tugas yang digalas sebagai satu bentuk khidmat kepada manusia dan pengabdian kepada Allah SWT. Apabila ihsan dihayati, perkhidmatan akan menjadi lebih berkualiti, tersusun dan berkesan kerana setiap tugas disempurnakan bukan atas dorongan pemantauan luaran semata-mata tetapi atas asas kesedaran dalaman dan tanggungjawab moral yang tinggi.


Ihsan turut berkait rapat dengan amanah dan integriti. Pekerja yang berpegang kepada prinsip ihsan tidak akan cuai dalam melaksanakan tugas, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak menangguhkan kerja tanpa sebab yang munasabah serta tidak mengambil mudah hak orang lain. Sebaliknya, mereka akan berusaha memastikan setiap tugas diselesaikan dengan cermat, menepati masa, mematuhi etika kerja dan memenuhi kepentingan pihak yang menerima perkhidmatan. Dalam erti kata lain, ihsan bukan sahaja melahirkan budaya kerja produktif bahkan bersih daripada unsur penyelewengan, kecuai dan ketidakjujuran.

Dalam suasana kerja masa kini yang sering dipengaruhi persaingan sengit, tekanan pencapaian dan budaya kerja yang terlalu berorientasikan hasil luaran, konsep ihsan perlu diberikan perhatian yang lebih serius. Tanpa penghayatan terhadap ihsan, pekerjaan mudah terjerumus kepada budaya sambil lewa, hilang empati, mementingkan diri serta mengabaikan dimensi kemanusiaan. Akibatnya, institusi mungkin kelihatan berjaya dari sudut angka dan laporan tetapi sebenarnya rapuh dari sudut nilai, kepercayaan dan kesejahteraanarganya.

Ihsan bukan sekadar konsep abstrak. Ianya boleh dilihat dan dirasakan dalam pelbagai situasi harian. Contohnya, menjawab pertanyaan pelanggan dengan sabar dan penuh hormat walaupun soalan yang ditanya berulang kali, menyelesaikan tugas tepat pada masanya malah lebih awal dari segi kemampuan, menjaga kualiti kerja walaupun majikan tiada di pejabat, bersikap jujur apabila menghadapi kesulitan dan berani menghadapi risiko serta menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jawatan atau pangkat.

Apabila ihsan dijadikan asas budaya kerja, organisasi akan memperoleh manfaat yang besar. Perkhidmatan menjadi lebih efisien, pelanggan atau masyarakat mendapat layanan yang lebih baik, hubungan sesama rakan sekerja menjadi lebih harmoni dan kepercayaan terhadap institusi turut meningkat. Kesannya, ihsan melahirkan pekerja yang bukan sahaja kompeten, tetapi juga beradab, amanah dan memiliki kepekaan terhadap tanggungjawab sosial. Dengan kata lain, ihsan menjadikan pekerjaan sebagai medan menyebarkan manfaat, bukan sekadar ruang memenuhi kepentingan peribadi.

“
Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
"Sesungguhnya Allah mewajibkan ihsan dalam setiap perkara."
(Riwayat Muslim)



Ihsan Mendatangkan Keberkatan dalam Pekerjaan

Apabila ihsan menjadi dasar dalam perkhidmatan, maka pekerjaan tersebut berpotensi menjadi sumber keberkatan. Berkat dalam pekerjaan tidak semestinya diukur melalui jumlah pendapatan yang besar atau kedudukan yang tinggi, tetapi lebih luas daripada itu iaitu merangkumi ketenangan jiwa, kelapangan rezeki, keharmonian hubungan di tempat kerja, kemudahan dalam urusan serta manfaat yang berpanjangan daripada hasil usaha seseorang. Keberkatan terserlah bukan pada banyaknya yang dimiliki, tetapi pada cukupnya rezeki, tenangnya hati dan kesan pekerjaan terhadap diri serta orang lain.

Ironinya, segelintir manusia mungkin memperoleh pendapatan yang tinggi, namun gagal merasakan ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup. Terdapat juga segelintir manusia lain yang berpendapatan sederhana, tetapi menikmati kehidupan yang harmoni, dihormati masyarakat serta dipermudahkan dalam pelbagai urusan. Di sinilah pentingnya difahami bahawa keberkatan ialah anugerah Allah SWT yang hadir apabila pekerjaan dilakukan secara halal, amanah dan berlandaskan nilai ihsan. Pekerjaan yang diberkati akan membentuk keseimbangan antara tuntutan duniawi dan keperluan rohani.

Apabila seseorang bekerja dengan ihsan, terdapat beberapa kesan positif dalam diri kita. Pertama ialah kepercayaan orang terhadap diri kita. Orang yang bekerja dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas akan mendapat kepercayaan daripada ketua, rakan sekerja dan pelanggan. Kepercayaan inilah yang membuka pintu rezeki, dipermudahkan urusan kenaikan pangkat dan hubungan di tempat kerja yang lebih harmoni.

Kedua, hasil kerja yang berkualiti. Apabila kerja yang dilaksanakan dengan niat yang ikhlas dan usaha yang sepenuh hati, ianya akan menghasilkan kerja yang berkualiti. Walaupun hasilnya sama dari segi luaran, tetapi nilainya berbeza di sisi Allah SWT dan di hati penerimanya.

Ketiga, melahirkan jiwa yang tenteram. Seseorang pekerja yang menjalankan tugas dengan penuh dedikasi tidak akan dibelenggu dengan perasaan bersalah. Ini kerana jiwanya sentiasa tenang, tenteram dan penuh keyakinan.



Selain itu, ihsan juga memperkukuh nilai kemanusiaan dalam pelaksanaan tugas. Seorang guru yang bekerja dengan ihsan bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi mendidik akhlak dan membentuk masa depan pelajarinya. Seorang pegawai perkhidmatan awam yang berihsan bukan sekadar mengurus dokumen dan prosedur tetapi memastikan urusan masyarakat menjadi mudah secara adil dan berhemah. Seorang kaunselor yang mempunyai nilai ihsan pula, bukan hanya mendengar masalah tetapi berusaha membantu dengan penuh empati, hikmah dan penghormatan terhadap klien. Pekerjaan menjadi saluran rahmat yang memberi nilai tambah kepada kehidupan manusia.

Cabaran Ihsan dalam Perkhidmatan

Memelihara ihsan dalam perkhidmatan bukanlah perkara mudah. Ada ketika kita berasa penat, kecewa atau tidak dihargai. Dalam saat-saat sebegini, penting bagi kita untuk kembali kepada niat asal bahawa kita bekerja bukan semata-mata untuk mendapat pujian manusia tetapi untuk meraih reda Allah SWT.

Imam al-Ghazali menitipkan tinta nasihat kepada kita agar jadikan niat yang tulus sebagai tiang kepada setiap amalan. Pekerjaan yang sama apabila dilakukan dengan niat yang berbeza akan menghasilkan nilai yang berbeza di sisi Allah SWT. Maka perbaikilah niat kita setiap hari sebelum memulakan kerja agar ianya dijadikan sebagai ibadah, khidmat dan sumbangan kepada umat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, ihsan dalam perkhidmatan merupakan prinsip yang amat signifikan dalam membina budaya kerja yang cemerlang dan diberkati. Pekerjaan yang dilaksanakan dengan ihsan akan melahirkan individu yang berintegriti, organisasi yang dipercayai serta masyarakat yang menerima manfaat secara berterusan. Dalam kerangka Islam, kecemerlangan sebenar bukan hanya terletak pada pencapaian luaran, tetapi pada sejauh mana sesuatu pekerjaan itu dilakukan dengan amanah, keikhlasan dan kesedaran ketuhanan. Oleh itu, membudayakan ihsan dalam perkhidmatan bukan sahaja penting bagi meningkatkan mutu kerja, malah menjadi jalan menuju keberkatan dalam pekerjaan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Holistik dalam Era Digital dan Globalisasi



Dr. Mohammad bin Abu Bakar
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Pengenalan

*"Ilmu tanpa amal adalah sia-sia,
dan amal tanpa ilmu adalah tidak
bernilai."*

(al-Ghazali)

Petikan di atas menggambarkan bahawa hakikat asas dalam falsafah pendidikan Islam ialah ilmu bukan sekadar untuk diketahui tetapi untuk membentuk jiwa dan tingkah laku manusia. Dalam era di mana maklumat berada di hujung jari dan kecerdasan buatan mampu menggantikan sebahagian fungsi manusia. Maka, persoalan yang paling kritikal dalam pendidikan bukan lagi *apa yang pelajar tahu*, tetapi *siapakah mereka akan menjadi*. Perubahan radikal dalam landskap digital dan globalisasi telah mengalihkan fokus pendidikan daripada sekadar penyampaian ilmu kepada pembinaan insan yang berilmu, berintegriti dan berdaya tahan.

Pendidikan dalam konteks ini tidak lagi boleh ditanggapi sebagai proses linear pemindahan pengetahuan sebaliknya perlu difahami sebagai satu ekosistem pembangunan insan yang kompleks serta multidimensi. Hal ini kerana keupayaan mengakses maklumat kini tidak lagi menjadi kelebihan eksklusif institusi pendidikan. Sebaliknya, nilai sebenar pendidikan terletak pada keupayaannya membentuk cara berfikir, membina sistem nilai serta membimbing individu dalam membuat pertimbangan yang beretika dalam dunia yang sarat dengan ketidakpastian.

Sehubungan dengan itu, konsep modal insan holistik muncul sebagai satu keperluan mendesak dalam wacana pendidikan kontemporari. Modal insan tidak lagi diukur semata-mata melalui pencapaian akademik atau kemahiran teknikal tetapi merangkumi pembangunan menyeluruh yang melibatkan dimensi intelek, rohani, emosi dan sosial. Pendekatan ini menegaskan bahawa kecemerlangan tanpa nilai berpotensi melahirkan individu yang berpengetahuan tinggi tetapi rapuh dari segi jati diri dan integriti.

Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi digital turut membawa implikasi yang bersifat paradoks iaitu di dalam masa yang sama ia boleh membawa kebaikan dan juga sebaliknya. Dalam masa yang sama, arus globalisasi mempercepatkan pertembungan nilai dan budaya sekaligus mencabar kestabilan identiti individu khususnya dalam kalangan generasi muda. Tanpa asas nilai yang kukuh, individu berisiko terperangkap dalam kekeliruan identiti dan kehilangan arah dalam dunia yang semakin kompleks.

Justeru itu, keperluan untuk mengintegrasikan nilai dan adab dalam sistem pendidikan menjadi semakin mendesak. Pendidikan tidak boleh terpisah daripada fungsi pembinaan akhlak dan penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) yang menjadi asas dalam melahirkan insan seimbang menurut perspektif tradisi keilmuan Islam. Dalam kerangka ini, guru perlu dilihat sebagai *murabbi* yang membimbing bukan sahaja perkembangan intelektual, tetapi juga pembangunan spiritual dan moral pelajar.

Pembinaan Modal Insan Holistik

Konsep modal insan pada asalnya diperkenalkan dalam bidang ekonomi sebagai pelaburan terhadap pembangunan individu melalui pendidikan dan latihan. Namun, pendekatan ini dikritik kerana terlalu menekankan produktiviti dan mengabaikan dimensi nilai serta kemanusiaan.

Dalam konteks pendidikan, pendekatan modal insan holistik diperkenalkan bagi memastikan pembangunan individu berlaku secara menyeluruh. Hal ini melibatkan keseimbangan antara aspek kognitif, afektif dan psikomotor serta penekanan terhadap pembentukan nilai dan sahsiah. Kajian turut menunjukkan bahawa integrasi nilai dalam pendidikan mampu meningkatkan kesejahteraan psikologi, motivasi dan prestasi pelajar.

Dalam era digital yang kian mencabar ini, penggunaan teknologi secara berlebihan berpotensi menjejaskan keupayaan kognitif serta interaksi sosial. Oleh itu, sistem pendidikan perlu mengimbangi penggunaan teknologi dengan pembinaan nilai dan etika bagi memastikan pembangunan insan yang seimbang.

Perbincangan

Pendidikan kontemporari perlu difahami sebagai suatu usaha komprehensif dalam membangunkan modal insan holistik bukan sekadar penyampaian ilmu akademik. Akses kepada maklumat yang meluas melalui teknologi digital telah mengubah peranan pendidikan daripada sekadar penyampaian ilmu kepada pembinaan keupayaan menilai, menapis dan mengaplikasi maklumat secara beretika.

Perkembangan teknologi digital turut membawa cabaran terhadap pembentukan sahsiah. Akses tanpa sempadan kepada maklumat serta budaya serba segera (*instant culture*) telah mempengaruhi corak pemikiran dan interaksi generasi masa kini. Fenomena seperti ketagihan digital dan kecenderungan kepada hiburan berlebihan memberi kesan terhadap pembangunan emosi dan sosial. Tanpa panduan nilai yang jelas, teknologi berpotensi menghakis adab dan identiti individu.

Sehubungan dengan itu, integrasi nilai dan adab dalam pendidikan perlu dijadikan teras utama. Pendidikan berasaskan adab menekankan pembentukan akhlak, disiplin diri serta kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Guru perlu berperanan sebagai *murabbi* yang membimbing proses pembinaan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) secara berterusan khususnya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Bagi memperkukuh pembangunan modal insan holistik, beberapa langkah strategik dicadangkan iaitu pemerkasaan latihan guru sebagai pendidik holistik, pengukuhan kurikulum berasaskan nilai, penggunaan teknologi secara beretika melalui literasi digital, serta pengukuhan kerjasama antara institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat.

Kesimpulannya, pendidikan dalam era digital dan globalisasi menuntut pendekatan yang lebih seimbang, bersepadu dan berteraskan nilai. Pembangunan modal insan holistik hanya dapat direalisasikan melalui integrasi antara ilmu, nilai dan adab. Pendekatan ini penting dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja kompeten di peringkat global tetapi juga memiliki jati diri yang kukuh serta berintegriti tinggi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.



HIJRAH INTEGRITI: Memperkasa Tadbir Urus dan Perkhidmatan Awam Beramanah



Mahfudzah binti Mohamad
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM


Menelusuri arus pemodenan dan cabaran global yang kian kompleks, istilah hijrah tidak lagi sekadar merujuk kepada perpindahan fizikal dari satu tempat ke tempat yang lain. Dalam konteks pembangunan negara, hijrah menuntut satu transformasi minda dan budaya, khususnya dalam aspek integriti. "Hijrah Integriti" adalah satu tekad untuk meninggalkan amalan lapuk yang korup dan tidak efisien menuju ke arah tadbir urus yang telus serta perkhidmatan awam yang berpaksikan amanah.

Keutuhan sesebuah negara amat bergantung kepada kualiti perkhidmatan awam dan keberkesanan sistem tadbir urusnya. Laporan Ketua Audit Negara Siri 2/2025 baru-baru ini telah mendedahkan wujudnya ketidakpatuhan dan ketirisan yang serius melibatkan perbelanjaan awam bernilai melebihi RM48 bilion, justeru membuktikan betapa mendesaknya keperluan untuk satu transformasi yang drastik. "Hijrah Integriti" kini bukan lagi satu pilihan, tetapi kemestian mutlak bagi memacu pentadbiran yang telus, cekap, dan bebas rasuah, apatah lagi kurangnya integriti dalam sektor awam mahupun swasta terbukti secara langsung akan memudaratkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kepentingan Integriti dalam Tadbir Urus

Tadbir urus yang baik (*good governance*) merupakan tulang belakang kepada kestabilan sesebuah negara. Tanpa integriti, sistem penyampaian awam akan lumpuh akibat ketirisan, birokrasi yang melampau, dan salah guna kuasa. Menurut perspektif Islam, integriti berkait rapat dengan konsep **amanah** dan **al-qawiy** (kekuatan/kompetensi). Seorang penjawat awam bukan sahaja perlu mahir dalam tugasnya, tetapi wajib memiliki benteng moral yang kukuh agar tidak mudah digugat oleh kepentingan peribadi atau sogokan haram.

Apabila integriti diangkat sebagai teras utama, kepercayaan rakyat terhadap kerajaan akan meningkat. Hal ini secara langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi kerana pelabur luar lebih yakin untuk menanam modal dalam ekosistem yang bebas daripada unsur rasuah dan kronisme.



Cabaran dan Anjakan Paradigma

Melaksanakan hijrah integriti bukanlah satu tugas mudah. Cabaran utama yang sering dihadapi adalah normalisasi terhadap pemberian "duit kopi" atau penyalahgunaan aset kerajaan untuk urusan peribadi. Budaya "asalkan kerja siap" tanpa menghiraukan kualiti dan etika juga merupakan barah yang perlu dibasmi.

Oleh itu, perkhidmatan awam memerlukan satu anjakan paradigma. Transformasi ini perlu bermula daripada kepimpinan atasan melalui konsep *leadership by example*. Pemimpin harus menjadi cermin integriti yang boleh diteladani oleh kakitangan bawahan. Selain itu, pemerkasaan teknologi digital melalui E-Kerajaan dilihat sebagai langkah strategik untuk mengurangkan interaksi bersemuka yang berisiko tinggi kepada ruang-ruang rasuah.

Strategi Memperkasa Perkhidmatan Awam Beramanah

Untuk memastikan hijrah ini berjaya, beberapa strategi tuntas perlu dilaksanakan secara konsisten:

i

Pengukuhan Latihan dan Kesedaran: Program pembangunan modal insan tidak seharusnya hanya memfokuskan kepada kemahiran teknikal, tetapi juga pengisian rohani dan etika kerja yang mendalam.

ii

Sistem Pengawasan yang Tegas: Mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) seperti peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Unit Integriti di setiap kementerian perlu diperkasakan tanpa campur tangan politik.

iii

Ketelusan dalam Perolehan: Proses tender dan perolehan kerajaan mestilah dilaksanakan secara terbuka dan kompetitif bagi mengelakkan pembaziran dana awam.

iv

Budaya Teguran: Mewujudkan persekitaran yang selamat bagi penjawat awam untuk melaporkan salah laku rakan sekerja atau pihak atasan tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Integriti Sebagai Budaya Hidup

Hijrah integriti bukan sekadar satu kempen bermusim, tetapi ia adalah satu perjuangan yang berterusan. Setiap penjawat awam perlu sedar bahawa gaji yang diterima adalah daripada sumber dana rakyat, maka setiap minit waktu bekerja dan setiap keputusan yang dibuat akan dipersoal bukan sahaja di dunia, malah di akhirat. Apabila integriti menjadi budaya, perkhidmatan awam akan menjadi lebih dinamik, responsif, dan dihormati. Rakyat akan mendapat hak mereka secara adil, dan negara

akan terus memacu kecemerlangan di persada antarabangsa.

Kesimpulannya, "Hijrah Integriti" adalah kunci utama dalam memperkasa tadbir urus negara. Ia menuntut pengorbanan untuk meninggalkan zon selesa yang penuh dengan kompromi moral demi membina sebuah negara yang bersih dan bermaruah. Dengan semangat hijrah yang jitu, perkhidmatan awam Malaysia mampu mencapai tahap kualiti dunia yang berpaksikan nilai amanah dan akauntabiliti yang tidak berbelah bahagi.

KEADILAN, IHSAN DAN INKLUSIVITI: Teras Masyarakat MADANI Berbilang Budaya



Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud
Penolong Pengarah Kanan,
Unit Komunikasi Korporat, JAKIM

Memetik perbincangan tokoh Ibn 'Ashur, beliau menjelaskan bahawa keadilan merujuk kepada "satu kondisi yang harmoni di mana setiap sesuatu itu terletak di tempatnya yang betul dan sesuai. Maka, keadilan itu terletak pada tempatnya yang sesuai dan berfungsi mengikut aturan yang sepatutnya". Asasnya, keadilan dalam konteks hubungan sesama manusia bergantung kepada prinsip memberikan hak yang sewajarnya kepada seseorang individu

itu tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit dan sebagainya.

Ajaran Islam sememangnya menjunjung prinsip keadilan di dalam pelaksanaan syariat Ilahi. Al-Quran merakamkan banyak sekali perintah-perintah suruhan agar melaksanakan keadilan dalam segenap aktiviti di dunia. Antara teks al-Quran yang membicarakan berkaitan keadilan adalah seperti berikut;

i. Surah al-Nisa', ayat 58 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".

ii. Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah haji terakhir telah mewasiatkan dengan maksud:

"Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu, bapa kamu juga satu. Semua kamu berasal dari Adam dan Adam berasal dari tanah. Sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu ialah yang paling bertaqwa kepada Allah SWT. Tiada kelebihan orang Arab berbanding orang asing (bukan Arab) melainkan dengan taqwa".

Kerangka Petunjuk Keadilan

Intipati ajaran Islam jelas telah memberikan jaminan hak keadilan kepada seluruh manusia dan ianya

bersifat universal. Berikut adalah beberapa contoh hak yang diberikan oleh Islam kepada seluruh umat manusia;

a. Hak untuk Hidup

Seluruh manusia berhak untuk menikmati kehidupan di atas muka bumi ini. Tidak ada seorang pun yang diizinkan oleh syarak untuk membunuh seseorang yang lain melainkan atas alasan syariat contohnya kuasa Hakim di mahkamah yang menjatuhkan hukuman bunuh balas (qisas) kepada pembunuh dan sebagainya. Perkara ini dapatlah disandarkan kepada firman Allah SWT di dalam al-Quran;

Maksudnya: "... dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak) ..."

(Surah Al-An'aam: Ayat 151)

b. Hak untuk Beragama

Islam memberikan kebebasan kepada seluruh umat manusia untuk memilih agama sebagai panduan serta pegangan hidup masing-masing. Islam tidak pernah memaksa mahupun memeras ugut manusia dalam menentukan haluan agama sebaliknya sangat menghormati hak kebebasan dalam hal ini. Ayat Allah SWT yang dinyatakan ini dapat membuktikan pemberian hak kebebasan beragama kepada seluruh umat manusia seperti yang terakam dalam Surah al-Baqarah, ayat 256;

Maksudnya: "Tiada paksaan dalam agama (Islam), kerana telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)".

Selain itu, Allah berfirman dalam Surah Yunus, ayat 99;

Mafhumnya: "Maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?"

Kamus sejarah Islam juga telah menggambarkan suasana toleransi beragama yang diaplikasikan oleh kepimpinan Nabi SAW. Piagam Madinah yang dipersetujui oleh Nabi Muhammad SAW bersama masyarakat bukan Islam pada ketika itu turut membuktikan semangat toleransi beragama, apabila orang Islam dan bukan Islam dapat hidup bersama sambil menikmati hak masing-masing sebagaimana yang menjadi intipati ajaran Islam. Fasal 25, Piagam Madinah telah mencatatkan;

"Bahawa orang-orang Yahudi Bani Auf adalah satu umat dengan orang-orang mukmin. Orang-orang Yahudi bebas berpegang kepada agama mereka dan orang-orang Muslimin bebas berpegang kepada agama mereka, termasuk pengikut mereka dan diri mereka sendiri kecuali orang-orang yang melakukan perbuatan aniaya dan derhaka. Orang-orang seperti ini akan menghancurkan dirinya dan keluarganya sendiri".

Sebagai indikator kepada pelaksanaan kebebasan beragama ini, hak ini jelas termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 3(1) yang menyatakan;

"Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan".



Amalan hormat menghormati dalam kalangan masyarakat perlulah diperkasakan sesuai dengan semangat Membangun Malaysia MADANI. Kepelbagaian serta kemajmukan harus diterima sebagai satu kekuatan masyarakat dan negara. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 8 yang bermaksud:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil".

c. Hak untuk Mendapatkan Pendidikan

Keadilan sosial juga semestinya memberikan hak kepada semua pihak untuk mendapatkan peluang pendidikan. Setiap individu sama ada lelaki dan wanita, semuanya berpeluang dan diberikan keizinan oleh syariat untuk menggali khazanah ilmu dan seterusnya memiliki kelayakan akademik untuk meningkatkan potensi diri. Hak untuk mendapatkan pendidikan dan ilmu pengetahuan tidak pernah dinafikan bahkan menjadi tuntutan dalam agama Islam. Allah SWT meletakkan suatu piawai yang tinggi kepada golongan yang menguasai ilmu pengetahuan. Firman Allah SWT telah menyatakan dalam Surah az-Zumar, ayat 9, maksudnya:

"Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dan orang yang tidak mengetahui?"

Kerajaan sentiasa meletakkan agenda pendidikan sebagai keutamaan untuk memajukan seluruh rakyat melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diperkasakan lagi dengan pendekatan Malaysia MADANI untuk melahirkan anak bangsa yang berilmu dan bersahsiah tinggi.

Sebagai umat Islam yang menjunjung nilai *ummatan wasata*, perlulah mempelopori semangat untuk memperkukuh nilai keadilan, ihsan serta keterangkuman dalam masyarakat. Ia menjadi teras kepada masyarakat yang berbilang agama dan budaya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat, ayat 13 maksudnya:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)".

Marilah kita kembali kepada ajaran Baginda Nabi, sejurus sampai di Madinah ketika peristiwa hijrah, antara pedoman awal disampaikan Rasulullah SAW dengan sabda yang bermaksud:

"Wahai manusia! Kamu tebarkanlah salam, berjamulah makanan, hubungkanlah silaturahmi, dan kerjakanlah solat waktu malam di kala manusia sedang tidur, nescaya kamu akan masuk syurga dengan selamat."

(Hadis Riwayat Tirmizi)





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KEDAI BUKU JAKIM




Sumber Ilmu • Panduan Hidup

Pusat rujukan dan pilihan buku terbitan JAKIM yang sahih, berkualiti dan memberi manfaat kepada semua.



TERBITAN SAHIH
& TERKINI




PELBAGAI JENIS
BACAAN ILMU



UNTUK SEMUA
PERINGKAT



HARGA
BERPATUTAN



KATEGORI UTAMA

- 1 AL-QURAN & ULUM AL-QURAN
- 2 AL-HADIS & ULUM AL-HADIS
- 3 AKIDAH & TAUHID
- 4 AL-FIQH & USUL AL-FIQH
- 5 AKHLAK & TASAWUF
- 6 FALSAFAH & PEMIKIRAN ISLAM
- 7 WANITA & KELUARGA
- 8 REMAJA & KANAK-KANAK
- 9 TOKOH & SEJARAH



KUNJUNGI KAMI
Kedai Buku JAKIM
Galeri Buku JAKIM,
Ara U Lobi Blok B
Kompleks Islam Putrajaya



TEMPAH SECARA
DALAM TALIAN
019-752 8499



IKUTI KAMI



Kedai Buku JAKIM - KBJ



03-8870 7401



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Wakaf

SEJUTA AL-QURAN RM38 SENASKHAH

*Peluang Berubadah Melalui Kempen
Solidariti Sejuta Al-Quran*

Firman Allah SWT melalui Surah Ali 'Imran, ayat 92
yang bermaksud:

“
Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat)
kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum
kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu
sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan
maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.
”

OBJEKTIF PROGRAM

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskhah al-Quran sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweden.
- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencetak sejuta naskhah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia.
- Mari kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh dan menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam. Barakallahufiikum.



DuitNow



BAN ISLAM

16018010019680

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah YWM. Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat e-mel.

info@ywm.gov.my/
WhatsApp: 019-200 7481



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



Dicetak daripada SIRAJ JAKIM MADANI Membantu

27-09-2016 09:02



MALAYSIA
MADANI



MALAYSIA
MADANI



MALAYSIA
MADANI